

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Kereta Persendirian Komprehensif ini?

Kereta Persendirian Komprehensif ialah polisi insurans kereta persendirian terhadap liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan tubuh badan, kematian dan kerosakan harta benda, kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan, bantuan perkhidmatan kerosakan/penundaan 24 jam dan mutu kerja pembaikan oleh panel bengkel pembaikan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM2,033.87** setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima perlindungan berikut:

Anggaran premium: Lelaki, tiga puluh (30) tahun, Perodua Myvi, 2024

Jumlah Diinsuranskan / Perlindungan	RM50,000
Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	0%
*Perlindungan Tambahan (Jika dibeli dengan premium tambahan)	<ul style="list-style-type: none">Perlindungan untuk cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung dengan jumlah diinsuranskan: RM1,000Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai (LLOP)

Polisi anda melindungi:

Perlindungan	Jumlah Diinsuranskan
Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan tubuh badan atau kematian	Tanpa had
Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kerosakan harta benda	Sehingga RM3 juta
Kerugian atau kerosakan pada kenderaan anda akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan	Sehingga jumlah diinsuranskan
Bantuan tunda akibat kemalangan	Sehingga RM200
Bantuan perkhidmatan kerosakan/penundaan 24 jam	Sehingga 50km (Semenanjung Malaysia) / 30km (Sabah/Sarawak) untuk setiap perjalanan ulang-alik
Mutu kerja pembaikan oleh panel bengkel pembaikan	Waranti tiga (3) tahun bagi kerja pembaikan oleh panel bengkel pembaikan yang kami luluskan

Polisi motor anda **tidak melindungi**•:

- Kematian atau kecederaan tubuh badan anda akibat kemalangan motor;
- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda;
- Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, atau kerosakan atau kepincangan tugas (malfungsi) mekanikal / elektronik;
- Kerugian akibat anda atau pemandu dibenarkan anda di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Kerugian akibat pemandu tidak dibenarkan anda;
- Kerugian akibat konvulsi alam semula jadi seperti banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dan sebagainya;
- Kerugian akibat perang, tindakan keganasan, mogok, rusuhan atau kekacauan awam;
- Ekses kenderaan dan ekses wajib anda adalah amaun pertama yang perlu ditanggung oleh pihak yang diinsuranskan terlebih dahulu bagi setiap tuntutan.

*Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat di bawah polisi ini.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 3833



Layari kami di
www.kurnia.com



Emel kami di
customer@kurnia.com



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans motor ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Premium Asas	RM1,716.45
(-) 0% Kelayakan NCD	RM0.00
(+) Perlindungan Tambahan	RM157.50
Premium Kasar	RM1,873.95
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM149.92
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM2,033.87
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM187.40

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan dengan amaun yang sesuai kerana ia akan mempengaruhi amaun yang boleh anda tuntutan. Sila insuranskan kenderaan anda berasaskan nilai pasaran yang diperolehi daripada ISM Automotive Business Intelligence System (ISM-ABI). Sila semak dan pastikan bahawa amaun diinsuranskan adalah mencukupi untuk mengelakkan daripada terkurang/terlebih insurans.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: <ul style="list-style-type: none"> • Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam. • Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan. • Sila muat turun aplikasi Kurnia One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 800 88 3833 untuk bantuan.
E	Sekiranya kenderaan anda mengalami kemalangan, anda perlu menghantar kenderaan anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang tersenarai di bawah: <ol style="list-style-type: none"> a. bengkel pembaikan yang merupakan panel bengkel yang diluluskan oleh kami; atau b. bengkel pembaikan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); atau c. mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan. Situasi di mana kebenaran khas boleh diberikan oleh kami termasuk: <ol style="list-style-type: none"> (i) tiada bengkel pembaikan yang diluluskan yang diterangkan dalam (a) dan (b) di atas boleh didapati di lokasi kenderaan anda, dan kami tidak dapat membantu anda mengakses bengkel pembaikan terdekat di panel kami atau bengkel pembaikan terdekat yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); (ii) pembaikan yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pembaikan khusus yang tidak boleh disediakan oleh bengkel pembaikan yang diluluskan; dan (iii) bengkel pembaikan francais.
F	Penambahbaikan akan dikenakan jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki kenderaan anda (untuk umur kenderaan lima (5) tahun dan ke atas).
G	Ekses wajib sebanyak RM400 akan ditambah jika anda atau pemandu lain yang memandu kenderaan anda adalah di bawah umur dua puluh satu (21) tahun, memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L) atau tidak dinamakan di dalam jadual sebagai pemandu dinamakan. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi.
H	Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) akan diberikan setiap kali polisi diperbaharui jika anda telah menginsuranskan kenderaan anda selama dua belas (12) bulan secara berterusan dan anda tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap polisi ini dalam tempoh tersebut. Diskaun Tanpa Tuntutan ini akan meningkat setiap tahun polisi diperbaharui selagi anda terus tidak membuat tuntutan. Jika anda membuat tuntutan terhadap polisi ini, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan yang anda telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul Diskaun Tanpa Tuntutan anda terpaksa dimulakan semula.



Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Kemungkinan tidak ada bayaran balik premium jika **hanya** premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.